



**Pampasan dan Pengurusan
Kecelakaan Pekerja:**

**Panduan untuk
Majikan**

Skim pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja yang sesuai untuk semua.

workcover.wa.gov.au

WorkCover WA



2 Bedbrook Place, Shenton Park WA 6008
Telefon: (08) 9388 5555



Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan: **1300 794 744**
(8.30 pagi hingga 4.00 petang, Isnin hingga Jumaat)



Layari **workcover.wa.gov.au**

Perihal WorkCover WA

WorkCover WA ialah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengawal selia skim pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja di Western Australia.

Antara lainnya, WorkCover WA memantau pematuhan *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023*, yang menyediakan maklumat dan mendidik pekerja, majikan dan pihak-pihak lain mengenai pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja di samping mengadakan sistem penyelesaian pertikaian yang bebas.

Terbitan ini kemas kini setakat Julai 2024.

Penafian

Terbitan ini mengandungi maklumat mengenai pampasan dan pengurusan kecederaan pekerja. Terbitan ini bertujuan memberikan maklumat am sahaja. Anda tidak sepatutnya bertindak atau sengaja tidak bertindak berdasarkan maklumat yang terkandung di sini. Panduan ini hendaklah dibaca sehubungan dengan *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023*. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang berpatutan mengenai keadaan anda khususnya.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, layari laman web WorkCover WA. Undang-undang pampasan pekerja juga boleh didapati di laman web Pejabat Peguam Parlimen, iaitu legislation.wa.gov.au

© 2024 WorkCover Western Australia. Hak cipta terpelihara.

Apabila berlaku kecederaan di tempat kerja, kesannya mungkin ketara terhadap majikan dan pekerja. Undang-undang pampasan pekerja di Western Australia bermatlamat memastikan bahawa seandainya berlaku kecederaan, kedua-dua pihak terlindung.

Dengan tujuan membantu majikan menunaikan kewajipan mereka di bawah *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023* (Akta), panduan ini merangka suatu pendekatan yang berkesan untuk mengendalikan insurans pampasan pekerja, tuntutan dan pengurusan kecederaan.

Maklumat dan sumber tambahan untuk pekerja dan majikan boleh didapati di laman web WorkCover WA.

Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA juga boleh memberikan maklumat dan penjelasan selanjutnya tentang tajuk-tajuk yang diliputi dalam panduan ini.

Kandungan

Bahagian 1 | Memahami Pampasan Pekerja

Skim pampasan pekerja.....	4
Insurans pampasan pekerja	4

Bahagian 2 | Insurans

Mendapatkan insurans.....	6
---------------------------	---

Bahagian 3 | Tuntutan Pampasan dan Kembali Bekerja

Proses tuntutan	8
Menguruskan pampasan	10
Kembali bekerja dan pengurusan kecederaan	11
Menyelesaikan pertikaian	11



Bahagian 1

Memahami Pampasan Pekerja

Skim pampasan pekerja

Apakah maksud pampasan pekerja?

Pampasan pekerja ialah pampasan kewangan yang diberikan kepada pekerja yang tercedera kerana menjalankan tugas, antara lainnya:

- bayaran pampasan pendapatan untuk menampung kehilangan pendapatan
- bantuan menampung belanja perubatan dan belanja yang berkait dengannya
- bantuan rehabilitasi di tempat kerja untuk kembali bekerja
- bayaran sekali gus.

Pekerja yang ditimpa kecederaan atau penyakit disebabkan kerjanya lalu memerlukan rawatan perubatan atau tempoh tidak bekerja berhak menuntut pampasan pekerja, walau siapa pun yang bersalah.

Pampasan pekerja di WA

Skim pampasan pekerja di Western Australia dikendalikan oleh WorkCover WA menurut *Akta Pampasan dan Pengurusan Kecederaan Pekerja 2023* (Akta). Akta ini ada dua tujuan:

- memastikan bahawa kecederaan di tempat kerja diuruskan agar pekerja boleh kembali bekerja dengan segera dan selamat selepas tercedera
- memastikan bahawa pekerja yang tercedera menerima bayaran untuk memampas kehilangan pendapatan, belanja perubatan dan kos yang berkait dengannya sementara mereka tidak dapat bekerja.

Hak dan kewajipan majikan, pekerja dan pihak-pihak lain yang penting dalam skim ini ditakrifkan di bawah Akta. Sebagai majikan, antara kewajipan anda yang utama ialah:

- mengadakan polisi insurans pampasan pekerja yang kemas kini dan meliputi semua pekerja anda
- melanjutkan tuntutan yang dibuat kepada penginsurans anda dengan segera
- menyusun dan melaksanakan program kembali bekerja untuk pekerja yang tercedera dan membiarkan kosong jawatan yang disandangnya sebelum tercedera.

Insurans pampasan pekerja

Apakah maksud insurans pampasan pekerja?

Di bawah sistem pampasan pekerja WA yang tidak mencari kesalahan, majikan bertanggungjawab membayar pampasan berkanun kepada pekerja yang tercedera walau siapa pun yang bersalah. Insurans pampasan pekerja melindungi majikan daripada liabiliti ini, iaitu kos dan belanja yang timbul daripada tuntutan pampasan pekerja dibayar oleh penginsurans.

Mengapakah anda memerlukannya?

Insurans pampasan pekerja yang kemas kini wajib diadakan di bawah Akta. Insurans pampasan pekerja melindungi perniagaan anda daripada kesan kewangan dan operasi yang disebabkan oleh tuntutan pampasan pekerja.

Seandainya berlaku kecederaan yang berkait dengan kerja, polisi insurans anda melindungi:

- peruntukan pampasan pekerja berkanun yang perlu dibayar kepada pekerja yang tercedera
- ganti rugi di bawah Common Law dan belanja yang berkait dengannya jika anda menerima tuntutan di bawah Common Law daripada pekerja yang tercedera.

Penginsurans anda juga dapat membimbing anda tentang pengurusan dan pentadbiran tuntutan dengan cara yang berikut:

- menasihati anda mengenai prosedur tuntutan yang betul dan masa untuk membuat bayaran pampasan
- menyertai proses pengurusan kecederaan atas permintaan anda, antara lainnya memudahkan komunikasi antara pengamal perubatan yang merawat dengan anda
- membantu usaha program kembali bekerja dan mengenal pasti tuntutan yang mungkin memerlukan rehabilitasi di tempat kerja
- mewakili anda dalam proses pendamaian dan penimbangan jika berlaku pertikaian.

Jika tidak berinsurans, tuntutan pampasan pekerja boleh menyebabkan perniagaan menanggung kos perguaman, hukuman dan manfaat yang perlu dibayar kepada pekerja yang tercedera itu, yang boleh mencapai angka ratusan ribu dolar. Jika salah seorang pekerja anda mengalami kecederaan yang berkait dengan kerjanya sedangkan anda tidak dilindungi insurans, anda mungkin bertanggungjawab membayar:

- pampasan kepada pekerja yang tercedera itu
- kos perguaman, termasuk bayaran khidmat mahkamah dan ganti rugi yang dianugerahkan kepada pekerja itu bagi tuntutan di bawah Common Law
- denda dan hukuman kerana tidak mempunyai insurans yang sah.

Siapakah yang perlu anda lindungi?

Perniagaan mesti menyediakan perlindungan insurans pampasan pekerja untuk sesiapa sahaja yang diambil sebagai pekerja dan menepati definisi pekerja di bawah Akta.

Antaranya ialah:

- pekerja sepenuh masa yang dibayar upah atau gaji
- pekerja separuh masa, sambilan dan bermusim
- pekerja yang dibayar komisen
- pekerja yang dibayar mengikut hasil kerja.

Dalam sesetengah keadaan, pekerja juga boleh merangkumi:

- kontraktor dan subkontraktor
- pengarah yang bekerja.

Jika anda ragu-ragu tentang kewajipan anda menyediakan insurans pampasan pekerja untuk sesiapa sahaja yang anda ambil khidmatnya, telefon Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA.

Berapakah kosnya?

Premium insurans pampasan pekerja ditetapkan oleh penginsurans dan berbeza-beza bergantung pada:

- industri perniagaan anda
- jumlah amaun saraan yang dibayar kepada pekerja anda
- sejarah tuntutan anda.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara premium dihitung, lihat Bahagian 2: Insurans.

Apakah yang berhak diterima oleh pekerja yang tercedera?

Peruntutannya berbeza-beza berdasarkan keadaan setiap tuntutan tetapi mungkin meliputi bayaran untuk memampas:

- Kehilangan pendapatan - amaun bayaran pampasan pendapatan bergantung pada pendapatan purata pekerja yang dikenakan sebelum dia tercedera.
- Belanja perubatan dan kesihatan - belanja yang berpatutan boleh dituntut bagi pelbagai rawatan, ubat, prosedur perubatan atau pembedahan serta perkhidmatan pergigian, fisioterapi, psikologi, kiropraktik, hospital dan perkhidmatan kesihatan yang lain.
- Belanja rehabilitasi di tempat kerja - perkhidmatan rehabilitasi di tempat kerja membantu pekerja meneruskan pekerjaannya atau kembali bekerja selepas tercedera.
- Aneka perbelanjaan - kos yang berpatutan untuk mendapatkan pertolongan cemas dan pengangkutan kecemasan, kerusi roda atau perkakas seumpamanya, khidmat membaiki atau menggantikan pakaian atau anggota palsu yang rosak atau musnah, perjalanan dan penaksiran tahap kecacatan kekal.
- Kecacatan kekal - bayaran sekali gus mungkin perlu dibayar jika pekerja mengalami kecacatan akibat kecederaan yang berkait dengan dengan kerja.

Amaun maksimum

Had dikenakan terhadap jumlah amaun pampasan yang boleh diterima oleh pekerja yang tercedera bagi setiap peruntukan sepanjang hayat tuntutannya. Amaun maksimum ini disesuaikan setiap tahun. Untuk mengetahui amaun terkini, tanya penginsurans anda atau lihat di laman web WorkCover WA.

Bahagian 2

Insurans

Mendapatkan insurans

Mencari penginsurans

Senarai penginsurans yang boleh menaja jamin insurans pampasan pekerja disediakan pada laman web WorkCover WA. Sesetengah majikan lebih suka menggunakan perkhidmatan broker insurans untuk berunding dengan penginsurans bagi pihak mereka.

Mendapatkan sebut harga

Untuk mendapatkan sebut harga, anda perlu memberi penginsurans:

- anggaran jumlah saraan bagi semua pekerja anda sepanjang tempoh polisi
- keterangan lengkap mengenai aktiviti perniagaan yang dijalankan di setiap lokasi tempat kerja
- bilangan pekerja yang berkhidmat untuk anda
- butir-butir sejarah tuntutan anda (boleh diperoleh daripada penginsurans anda sekarang atau yang lepas)
- apa-apa maklumat lain yang berpatutan dan diperlukan oleh penginsurans tersebut.

Menghitung jumlah kos saraan

Perakuan mengenai saraan mesti dibuat dengan tepat kerana anggaran yang anda berikan kepada penginsurans akan mempengaruhi premium yang dikenakan bagi polisi insurans anda.

Garis Panduan Saraan WorkCover WA menyatakan maksud 'saraan' untuk membantu majikan semasa memberikan perakuan saraan kepada penginsurans mereka apabila memohon agar dasar insurans pampasan pekerja dikeluarkan atau diperbaharui. Anda dikehendaki menandatangani borang perakuan saraan dan mengesahkan ketepatan maklumat itu. Garis panduan boleh didapati pada laman web WorkCover WA.

Apa yang perlu anda sertakan:

- gaji dan upah
- komisen
- bonus
- bayaran bagi kerja lebih masa
- elaun
- apa-apa manfaat lain sebelum ditolak cukai.

Apa yang tidak perlu anda sertakan:

- bayaran tamat perkhidmatan, persaraan dan pengurangan tenaga kerja
- wang pencen
- caruman persaraan yang diwajibkan.

Penaksiran premium

Walaupun semua polisi insurans pampasan pekerja memberikan perlindungan yang sama bagi liabiliti majikan, namun mungkin ada perbezaan antara amaun premium yang disebut oleh setiap penginsurans.

WorkCover WA menerbitkan dokumen-dokumen yang berikut untuk kegunaan majikan dan penginsurans dalam proses penaksiran premium:

- *Perintah Pengelasan Industri WorkCover WA* menyediakan 517 kelas industri supaya kelas setiap majikan boleh ditentukan.
- *Kadar Premium yang Disyorkan oleh WorkCover WA*, yang diterbitkan setiap tahun, menetapkan kadar premium yang disyorkan bagi setiap kelas industri.
- *Garis Panduan Saraan WorkCover WA* menunjukkan bayaran yang membentuk saraan dan oleh itu, perlu disertakan dalam perakuan saraan.

Penghitungan premium

Premium dihitung oleh penginsurans dalam empat peringkat.

Peringkat 1: Penginsurans menentukan kelas industri anda dan kadar premium yang disyorkan bagi kelas itu berdasarkan terbitan kadar premium dan pengelasan industri oleh WorkCover WA.

Peringkat 2: Kadar premium yang disyorkan didarabkan dengan amaun yang diberikan dalam perakuan anggaran saraan anda.

Peringkat 3: Penginsurans mungkin mengenakan diskaun atau bayaran tokok berdasarkan profil risiko anda. Majikan boleh memohon penyemakan jika bayaran tokok itu melebihi kadar premium yang disyorkan sebanyak 75% atau lebih.

Peringkat 4: Premium anda disesuaikan pada penghujung tempoh polisi jika jumlah sebenar saraan yang dibayar itu berbeza.

Mengaktifkan dan meneruskan polisi anda

Untuk mengaktifkan polisi anda, anda perlu memberikan perakuan jumlah saraan yang bertandatangan kepada penginsurans dan membayar premiumnya. Anda harus memahami syarat-syarat polisi anda dengan baik dan mendapatkan penjelasan daripada penginsurans anda jika ada masalah.

Apa yang boleh anda lakukan untuk mengurangkan premium anda

Keadaan tempat kerja yang lebih selamat dan proses pengurusan kecederaan yang lebih baik mungkin dapat mengurangkan premium anda. Bincangkan aktiviti yang boleh anda lakukan untuk mengurangkan premium pampasan pekerja anda dengan penginsurans atau broker anda. Mereka boleh menyediakan perkhidmatan pengurusan risiko untuk menolong anda mencegah kecederaan dengan lebih baik dan memperbaiki amalan pengurusan di tempat kerja anda.

Mendapatkan khidmat menyemak premium

Jika anda tidak bersetuju dengan premium yang dikenakan, anda mungkin boleh memohon agar premium itu disemak sama ada dari segi:

- pengelasan industri yang digunakan bagi perniagaan anda
- premium yang dikenakan oleh penginsurans (jika melebihi kadar premium yang disyorkan sebanyak 75% atau lebih).

Layari laman web WorkCover WA untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara mendapatkan khidmat menyemak premium.

Perubahan pada perniagaan anda

Jika bilangan pekerja anda atau jenis kerja yang dilakukan oleh perniagaan anda berubah, beritahu penginsurans anda dengan segera kerana perubahan ini mungkin memerlukan penyemakan semula polisi dan premium anda.

Penyesuaian saraan

Pada penghujung tempoh polisi, anda dikehendaki mengemukakan perakuan yang menunjukkan jumlah sebenar amaun saraan yang dibayar sepanjang tempoh itu. Penginsurans anda akan menyesuaikan premium anda dan memasukkan perbezaan itu ke dalam premium anda yang diperbaharui.

Tarikh-tarikh penting

Penginsurans anda akan memaklumkan kepada anda tarikh-tarikh penting dan tarikh-tarikh tutup yang berkaitan dengan polisi dan tuntutan anda serta memberitahu anda apabila tiba masanya polisi anda perlu diperbaharui. Walau bagaimanapun, sebagai majikan, anda bertanggungjawab memastikan bahawa polisi anda sentiasa kemas kini dan sah.

Apa yang harus diharapkan daripada penginsurans anda

WorkCover WA bekerja rapat dengan industri insurans untuk menetapkan dan mengekalkan standard untuk penginsurans berlesen yang terlibat dengan pengendalian skim pampasan pekerja.

Penginsurans dikehendaki mematuhi *Prinsip dan Standard Amalan Penginsurans dan Penginsurans Diri*, yang menyatakan kehendak WorkCover WA terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Jika anda menggunakan broker insurans untuk menguruskan aturan pampasan pekerja anda, mereka dikehendaki mematuhi *Prinsip dan Standard Amalan Broker Insurans*, yang memberikan garis panduan untuk membantu broker menunaikan kewajipan profesional mereka.



Bahagian 3

Tuntutan Pampasan dan Kembali Bekerja

Proses tuntutan

Memulakan tuntutan

Langkah-langkah yang berikut hendaklah diambil berikutan kecederaan semasa bekerja:

1. Berikan pertolongan cemas kepada pekerja yang tercedera itu dan laporkan kecederaannya dalam sistem pelaporan kejadian buruk.
2. Minta pekerja itu pergi berjumpa dengan pengamal perubatan pilihannya dengan secepat mungkin.
3. Minta pekerja itu dapatkan Perakuan Kemampuan Pertama daripada pengamal perubatan yang merawatnya.
4. Beri pekerja itu Borang Tuntutan Pampasan Pekerja dan minta dia isi bahagian pekerja.
5. Dapatkan Borang Tuntutan yang telah diisi dan Perakuan Kemampuan Pertama daripada pekerja yang tercedera itu.
6. Isi bahagian majikan pada Borang Tuntutan.
7. Buat salinan kedua-dua dokumen sebagai rekod anda dan rekod pekerja.
8. Serahkan Perakuan Kemampuan Pertama dan Borang Tuntutan kepada penginsurans anda dalam masa tujuh hari selepas menerimanya daripada pekerja yang tercedera itu. Denda sehingga \$5,000 boleh dikenakan jika anda gagal menyerahkan dokumen-dokumen ini dalam masa yang ditetapkan ini.

Penaksiran tuntutan

Liabiliti tuntutan ditentukan oleh penginsurans, bukannya oleh majikan. Setelah dokumentasi anda diterima, pengurus kes yang diperuntukkan oleh penginsurans anda mungkin menghubungi anda, pekerja yang tercedera itu dan pengamal perubatan yang merawatnya untuk mendapatkan maklumat selanjutnya agar beliau dapat menentukan liabiliti dan bayaran yang perlu dibuat. Penginsurans diberi masa 14 hari untuk memberitahu anda dan pekerja yang tercedera itu keputusan mereka.

Sementara tuntutan ditaksir

Belanja perubatan

Pekerja yang tercedera bertanggungjawab menampung kos rawatan perubatan bagi kecederaannya sehingga keputusan mengenai liabiliti dibuat oleh penginsurans anda. Pekerja itu hendaklah menyimpan semua resit bayaran sepanjang tempoh ini. Kos ini akan digantikan bayarannya oleh penginsurans jika tuntutan pekerja itu diterima.

Bayaran ganti cuti berpilihan

Sementara menunggu keputusan tentang sesuatu tuntutan, mungkin eloklah anda membayar cuti yang terkumpul, misalnya cuti tahunan atau cuti sakit, kepada pekerja yang tercedera. Anda mesti mendapatkan persetujuan pekerja tersebut sebelum mengambil tindakan ini dan memberitahu pekerja itu bahawa:

- bayaran ganti cuti bukan alternatif bagi pampasan pekerja
- bayaran ganti cuti diterima secara sukarela dan tidak menjejaskan hak pekerja itu menuntut pampasan pekerja dengan apa-apa cara pun
- hak mengambil cuti akan dikreditkan balik kepada pekerja itu jika tuntutannya diterima.

Bayaran sementara

Bayaran sementara perlu dibayar kepada pekerja jika penginsurans memerlukan masa yang melebihi 28 hari dari tarikh mereka menerima tuntutan untuk membuat keputusan. Bayaran sementara terdiri daripada bayaran pampasan pendapatan dan sejumlah belanja perubatan dan kesihatan yang terhad.



Hasil tuntutan

Penginsurans anda dikehendaki memberitahu anda dan pekerja yang tercedera itu secara bertulis dalam masa 14 hari sama ada tuntutan diterima, tidak diterima atau ditangguhkan. Jika tuntutan ditangguhkan, notis keputusan tertangguh dikeluarkan. Penginsurans akan memberikan angka tuntutan yang hendaklah disebut dalam semua surat-menyerat yang berkait dengannya.

Keputusan tentang tuntutan

Diterima - Peruntukan pampasan pekerja mula dibayar.

Jika kecederaan pekerja menghalang dia bekerja, anda mesti bermula membuat bayaran pampasan pendapatan sebaik sahaja anda diarahkan berbuat demikian oleh penginsurans anda. Rujuk 'Menguruskan Pampasan' untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai proses pembayarannya.

Tidak diterima - Pampasan tidak dibayar kepada pekerja yang tercedera.


Penginsurans anda akan memberitahu anda dan pekerja itu sebab bagi keputusan ini. Jika pekerja tidak bersetuju dengan keputusan itu, dia boleh berjumpa dengan penginsurans untuk memohon agar hal itu dipertimbangkan semula menurut prosedur penyelesaian pertikaian dalaman mereka. Anda juga boleh memohon kepada Perkhidmatan Pendamaian dan Penimbangtaraan (CAS) untuk mendapatkan bantuan menyelesaikan pertikaian itu.

Keputusan tertangguh - Jika keputusan mengenai sesuatu tuntutan tidak boleh dibuat dalam masa 14 hari, penginsurans boleh menangguhkan tuntutan itu dan menghantarkan notis keputusan tertangguh sementara menunggu maklumat selanjutnya dan penyiasatan.

Jika notis keputusan liabiliti tidak boleh diberikan dalam masa 28 hari selepas menerima tuntutan, bayaran sementara perlu dibayar.

Penginsurans diberi masa 120 hari untuk membuat keputusan mengenai sesuatu tuntutan. Jika penginsurans gagal berbuat demikian dalam rangka masa ini, tuntutan anda akan dianggap sebagai diterima.

Proses tuntutan



Bahagian 3

Menguruskan pampasan

Membuat bayaran pampasan pendapatan

Jika tuntutan diterima oleh penginsurans, pekerja yang tercedera berhak menerima bayaran untuk memampas kehilangan pendapatan. Bayaran ini disebut 'bayaran pampasan pendapatan'. Bayaran ini mungkin dibuat setiap minggu, setiap dua minggu atau setiap bulan, bergantung pada cara pekerja itu biasanya dibayar. Walaupun kos ini digantikan bayarannya oleh penginsurans anda selaras dengan polisi insurans anda, namun anda bertanggungjawab membuat bayaran ini kepada pekerja yang berkenaan.

Penginsurans anda akan menghitung jumlah pampasan pendapatan yang berhak diterima oleh pekerja itu dan memberitahu anda amaun yang betul untuk dibayar. Anda mesti bermula membuat bayaran sebaik sahaja diberitahu oleh penginsurans dan membayar pekerja pada hari gajinya yang biasa. Hukuman akan dikenakan jika anda gagal membuat bayaran tersebut dengan menepati masa. Penginsurans anda akan memberitahu anda sama ada perubahan harus dibuat. Aturan pembayaran ganti hendaklah dibincangkan dengan penginsurans anda.

Jika atas apa-apa sebab anda tidak dapat membuat bayaran sebagaimana yang diarahkan, anda hendaklah menghubungi penginsurans dengan secepat mungkin. Jika anda tidak dapat menyelesaikan situasi dengan penginsurans anda, hubungi Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA.

Menguruskan akaun perubatan

Semasa berjumpa dengan pemberi khidmat perubatan untuk ditaksir atau dirawat, pekerja yang tercedera biasanya dikehendaki membuat bayaran dahulu sehingga tuntutannya diterima. Setelah tuntutan diterima, beberapa pemberi khidmat mungkin mengeluarkan invoice terus kepada penginsurans. Semua akaun dan invoice hendaklah menyebut angka tuntutan dan dilanjutkan kepada penginsurans dengan secepat mungkin supaya bayaran atau bayaran ganti boleh dibuat dengan segera.

Mendapatkan pendapat kedua

Pekerja berhak berjumpa dengan pengamal perubatan pilihannya untuk mendapatkan khidmat rawatan dan pengurusan bagi kecederaan yang berkaitan dengan kerja. Jika anda tidak bersetuju dengan sesuatu taksiran perubatan atau mahukan pendapat kedua, anda boleh memohon pemeriksaan perubatan melalui penginsurans anda.

Tertakluk kepada persetujuan penginsurans itu, janji temu akan diatur supaya pekerja yang tercedera itu boleh berjumpa dengan pengamal perubatan yang dinamakan oleh majikan atau penginsurans. Jika pekerja gagal menghadiri janji temu ini tanpa alasan yang munasabah, pampasan yang sedang diterimanya mungkin terjejas.

Pekerja tidak boleh disuruh menjalani pemeriksaan perubatan atas permintaan penginsurans lebih daripada sekali dalam masa dua minggu atau pada bila-bila masa selain waktu yang berpatutan.



Kehilangan Pendengaran Akibat Hingar (NIHL)

Jika anda mengambil khidmat sesiapa untuk melakukan 'pekerjaan bising', anda mungkin memikul kewajipan tambahan sehubungan dengan NIHL di bawah Akta.

Pekerjaan bising ialah pekerjaan yang sering memerlukan pekerjaanya memakai peralatan perlindungan diri untuk mengurangkan risiko kehilangan pendengaran kerana terdedah kepada aras hingar setinggi 85dB(A) atau lebih sepanjang tempoh hari kerja yang biasa selama 8 jam atau hingar puncak setinggi 140dB(A). Sebagai panduan, 85dB(A) ialah kira-kira sama bisingnya dengan bunyi pengisar makanan atau lalu lintas yang sesak.

Atas permintaan pekerja, anda mesti menanggung bayaran bagi dia menjalani ujian audiologi yang dilakukan oleh pakar audiologi yang diluluskan (tanpa melebihi sekali setiap dua tahun). Jika hasil ujian audiologi pekerja itu menunjukkan kehilangan pendengaran sebanyak 10% atau lebih (5% jika pekerja sudah berjaya menuntut pampasan NIHL), anda juga perlu membayar bagi penilaian NIHL oleh Pakar Telinga, Hidung dan Tekak, berserta belanja yang berpatutan.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, layari laman web WorkCover WA.

Kembali bekerja dan pengurusan kecederaan

Kembali bekerja dengan awal ialah keadaan yang terbaik bagi pekerja yang tercedera kerana semakin lama pekerja tidak hadir untuk bekerja, semakin kecil kemungkinannya dia akan kembali bekerja. Majikan harus sentiasa terlibat sepanjang proses tuntutan dan berusaha seiring dengan pekerja yang tercedera itu, penginsurans dan pengamal perubatan yang merawat untuk menjayakannya.

Pengamal perubatan yang merawat pekerja itu akan memberitahu waktunya apabila dia dapat kembali bekerja dan syarat-syarat yang harus dipatuhinya apabila dia kembali bekerja kelak.

Pengurusan kecederaan

Di bawah Akta, semua majikan diwajibkan mengadakan Sistem Pengurusan Kecederaan yang didokumenkan. Inilah prosedur bertulis yang menerangkan langkah-langkah yang akan diambil jika berlaku kecederaan di tempat kerja. Majikan juga mungkin dikehendaki menyusun dan melaksanakan program kembali bekerja untuk pekerja yang tercedera melalui rundingan dengan penginsurans mereka atau dengan pengamal perubatan yang merawat pekerja tersebut.

Mengekalkan perjawatan

Anda diwajibkan mengekalkan perjawatan pekerja yang tercedera itu dan membiarkan jawatannya yang asal kosong selama 12 bulan dari tarikh dia tidak mampu bekerja kerana tercedera. Apabila dia kembali bekerja, jika jawatannya sudah diisi atau dia tidak lagi dapat menjalankan peranan itu, anda mesti memberi dia jawatan yang setanding dari segi kedudukan dan gaji, yang sesuai dengan kelayakannya dan yang mampu dilaksanakannya.

Pekerja tidak boleh dipecat semata-mata atau terutamanya kerana dia tidak mampu bekerja. Jika anda ingin menamatkan perjawatannya dengan cara yang dibenarkan oleh undang-undang dalam tempoh 12 bulan ini, anda mesti memberi pekerja itu notis 28 hari mengenai hasrat anda untuk berbuat demikian.

Keperluan ini tidak menjejaskan mana-mana hak atau kewajipan lain yang ada pada pekerja atau majikan di bawah undang-undang lain.

Kembali melakukan tugas yang diubahsuaikan

Jika jenis kecederaan pekerja berkemungkinan memerlukan tugas atau waktu kerja yang diubahsuaikan atau dikurangkan, maka pengamal perubatan yang merawatnya boleh menyatakan bahawa sebuah program kembali bekerja yang didokumenkan perlu disusun oleh majikan melalui rundingan dengan pekerja yang tercedera itu. Pemberi khidmat rehabilitasi di tempat kerja (WRP) yang diluluskan juga mungkin dilantik untuk membantu rehabilitasi di tempat kerja, melatih semula dan menempatkan pekerja, jika diperlukan.

Menyelesaikan pertikaian

Jika berlaku pertikaian yang tidak boleh diselesaikan oleh anda atau penginsurans anda, maka anda boleh memohon kepada Perkhidmatan Pendamaian dan Penimbangtaraan WorkCover WA untuk mendapatkan pertolongan menyelesaikan pertikaian tersebut.

WorkCover WA menyediakan sistem yang saksama dan berbaloi dengan kos untuk menyelesaikan percanggahan pendapat tentang pampasan pekerja atau masalah pengurusan kecederaan.

Layari laman web WorkCover WA untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara menyelesaikan pertikaian.



Perlukan bantuan selanjutnya?



Telefon Perkhidmatan Nasihat dan Bantuan WorkCover WA melalui talian
1300 794 744 (8:30 pagi hingga 4:30 petang, Isnin hingga Jumaat)



Layari workcover.wa.gov.au

